

**SIARAN SEGERA**

**KENYATAAN MEDIA**

**SWM MERANGKA STRATEGI OPERASI SEMPENA PERAYAAN HARI RAYA  
AIDILFITRI 2019**

---

**23 MEI 2019, MELAKA:** SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM) sebagaimana tahun-tahun sebelum ini merangka dan menyusun strategi operasi sempena sambutan perayaan Hari Raya Aidilfitri bagi memastikan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam tidak terjejas.

**OPERASI MENJELANG RAYA**

Umumnya operasi bagi sepanjang musim perayaan (Ramadhan & Syawal) akan bermula seminggu sebelum bulan Ramadhan sehingga berakhir bulan syawal. Secara khususnya pula Strategi Operasi Hari Raya ditumpukan kepada tempoh 1 minggu iaitu dibahagikan kepada 3 fasa seperti di bawah :

Fasa 1 - Sebelum Hari Raya (01.06.2019 – 04.06.2019)

Fasa 2 - Semasa Hari Raya (05.06.2019 - 07.06.2019)

Fasa 3 - Selepas Hari Raya (08.06.2019 – 10.06.2019 )

Selain itu, pihak SWM juga telah mengenal pasti lokasi-lokasi seperti kawasan pasar tani, Ramadan serta penjualan lemang dan daging pada Hari Mantai iaitu sehari sebelum Aidilfitri dan pada Hari Raya bagi melaksanakan pembersihan di lokasi terlibat. Frekuensi kutipan sampah dan pembersihan awam di lokasi- lokasi terlibat dipertingkatkan bagi memastikan tiada limpahan sampah.

Tumpuan operasi juga akan diberikan kepada kawasan hotspot dan mempunyai bilangan penduduk melayu yang ramai bagi mengelakkan berlakunya longgokan sampah yang banyak dan tidak terkawal di musim perayaan.

### **OPERASI SEPERTI BIASA PADA HARI RAYA DAN HARI RAYA KEDUA**

Orang ramai tidak perlu gusar kerana kutipan sampah akan dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Pihak SWM juga akan memastikan jumlah pekerja dan jentera yang secukupnya akan dijadualkan. Pemantauan yang rapi akan dilakukan sepanjang tempoh operasi ini dijalankan bagi memastikan kesemua kawasan tumpuan dinyatakan dalam keadaan terkawal, seterusnya perayaan ini dapat disambut dan diraikan dalam suasana yang gembira dan harmoni.

Pekerja operasi juga ditugaskan untuk membersihkan sampah di sekitar pusat membeli-belah dan pasaraya agar sampah yang dibuang dapat dikawal dan tidak mencacatkan pemandangan sekitar terutamanya. Tumpuan juga akan di berikan di pusat pelancongan seperti di Port Dickson, Jeram Toi, Ulu Bendul dan Pedas Wetworld yang dijangka akan meningkat sempena cuti panjang.

### **KERJASAMA ORANG RAMAI**

Sehubungan dengan itu, kerjasama penduduk untuk amat diperlukan bagi melancarkan lagi perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat konsesi SWM.

“Orang ramai perlu mengurangkan pembaziran dan janaan sampah di musim perayaan ini melalui penerapan konsep 3R iaitu Reduce, Reuse dan Recycle,” kata Tuan Haji Adnan Bin Ibrahim, Pengurus Besar Kumpulan SWM.

“Sampah domestik/ harian hendaklah dibuang ke dalam beg plastik sampah, diikat kemas dan dilupuskan di dalam tong sampah beroda SWM. Bagi sampah kitar semula dan kebun ianya perlu dibungkus di dalam beg plastik sampah diikat kemas dan diletakkan di tepi tong sampah beroda pada hari kutipan melalui sistem kutipan baru, ” tambah Adnan lagi.

Sistem baru ini adalah selaras dengan penswastan dan peningkatan tahap perkhidmatan di bawah Akta 672 iaitu sampah dikutip 3 kali seminggu: 2 kali seminggu bagi sisa isi rumah dan 1 kali seminggu bagi bahan kitar semula, sampah pukal serta sampah kebun.



### **TALIAN INDAHKAN MALAYSIA**

Kerjasama dari orang ramai amat diperlukan bagi memastikan persekitaran bersih dan sihat terutamanya pada musim perayaan ini. Untuk sebarang aduan atau pertanyaan berkaitan pembersihan awam dan kutipan sisa pepejal, sila hubungi Talian Indahkan Malaysia **1-800-88-7472** yang akan beroperasi seperti biasa

**TAMAT.**

**“PERKHIDMATAN BERKUALITI KEUTAMAAN KAMI”**

---

### **FAKTA**

#### **SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.**

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang diilantik oleh Kerajaan bagi mengendalikan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam bagi Zon Selatan Semenanjung Malaysia (Negeri Sembilan, Melaka dan Johor). SWM Environment memberikan perkhidmatan kepada lebih 5 juta isi rumah dengan tenaga kerja seramai kira-kira 8,000 orang dan mempunyai kenderaan serta jentera melebihi 1,000 buah pelbagai jenis kegunaan. Sila layari laman web [www.swm-environment.com](http://www.swm-environment.com) untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi:

***Noor Che Wah Ramli***

***Eksekutif Jabatan Komunikasi Korporat***

***SWM Environment Sdn Bhd***

Lot 4B-17,18,19, Jalan TTC 26,  
Kawasan Perindustrian Cheng,  
75250, Melaka.

Tel : 06-3350116

Faks : 06-3350117

Email : [wah.ramli@swmsb.com](mailto:wah.ramli@swmsb.com)